

08 MAR 1997

Sulaiman-Thailand

MALAYSIA, THAILAND TANDATANGANI PROJEK SUNGAI GOLOK

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Thailand hari ini menandatangani perjanjian bagi Projek Pembaikan Kuala Sungai Golok yang antara lain akan membantu menentukan garis sempadan antara kedua-dua negara.

Projek itu juga akan memberi faedah kepada kedua-dua negara dari segi sistem peraiaran di kawasan berkenaan, mengurangkan kejadian banjir dan meningkatkan kegunaan kuala sungai Golok untuk bot-bot nelayan, kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud pada upacara menandatangani itu di Narathiwat, Thailand.

"Projek seperti ini bukan sahaja akan mendatangkan faedah ekonomi kepada masyarakat tempatan tetapi juga akan mengeratkan hubungan banik antara kedua-dua negara," katanya. Teks ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian Dr Sulaiman dan Menteri Pertanian dan koperatif Thailand, Shucheep Hansaward menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan masing-masing.

Projek itu ditandatangani 10 hari selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Jen Chavalit Yongchaiyudh yang sedang melawat Malaysia bersetuju untuk menyelesaikan masalah garis pemisahan sempadan itu.

Masalah berusia 15 tahun itu berbangkit terutamanya disebabkan kedua-dua negara menggunakan sungai sebagai tanda sempadan dan ini menimbulkan masalah kerana sungai berubah akbiat banjir.

Dr Sulaiman berkata projek itu akan menstabilkan kuala sungai itu untuk garis sempadan yang lebih tetap antara Malaysia dan Thailand.

Di bawah perjanjian itu projek itu akan dijalankan bersama oleh Jabatan perairan dan Saliran Malaysia dan Jabatan Perairan Diraja Thailand dan mengandungi dua fasa.

"Kerja-kerja bagi fasa satu sedang berjalan dengan baik dan dijadualkan siap tahun ini," kata Dr Sulaiman yang melawat projek itu dari udara dengan Shucheep selepas upacara itu.

Katanya fasa kedua yang melibatkan pengorekan kuala Sungai Golok dan pembenaan benteng akan bermula sedikit masa lagi dan dijangka siap menjelang bulan September. -- BERNAMA

AZZ WAT